

aab

Mahathir - BN

BN SIMBOL SEMANGAT DAN KEMATANGAN RAKYAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) menjadi simbol semangat dan kematangan rakyat negara ini.

Kemenangannya setiap kali pilihan raya diadakan membuktikan bahawa rakyat menerima konsep kerjasama dalam BN, katanya dalam perutusan sempena sambutan ulang tahun ke-20 BN, esok.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN berkata, parti itu telah membuktikan dirinya mampu membawa rakyat dan negara ke arah cita-cita menjadikan Malaysia negara stabil, makmur dan dinamis.

"Pencapaian ini adalah hasil daripada ketuhanan, kerjasama dan sikap tolak ansur serta kekeluargaan di kalangan anggota-anggota parti Barisan Nasional. Tradisi ini telah tertanam hingga ia menjadi budaya dan nilai hidup kita sejak sebelum merdeka lagi, dipusakai daripada pemimpin-pemimpin kita di masa lalu hingga sekarang," katanya.

Perdana Menteri berkata, penubuhan BN selepas rusuhan kaum pada tahun 1969 mencerminkan kesedaran rakyat, dan sejak itu sifat toleransi semakin subur di kalangan rakyat berbilang kaum. -- Lagi.

♥23/08/16-58MST

U GB 23-08 00170 BA248

aab

Mahathir - BN 2 Kuala Lumpur

Di bawah kerajaan-kerajaan BN, politik perkauman dapat dikurangkan dan penyelesaian yang dibuat melalui perbincangan tertutup terhadap isu-isu sensitif telah mengelakkan ketegangan kaum yang boleh mengancam kestabilan negara.

"Sebaliknya tumpuan dapat diberikan secara serius kepada pembangunan rakyat dan aqihan kekayaan negara secara lebih adil. Kemiskinan juga dapat dikurangkan sementara ekonomi tumbuh dengan pesat," katanya.

Dr Mahathir berkata, politik BN adalah kesederhanaan dengan semua kaum dan parti (komponen) mempunyai kedudukan yang sama dalam Dewan Tertinggi BN.

Kerana saiznya, UMNO dijadikan teras untuk menentukan BN tidak mudah dipecah-belahkan. Bagaimanapun UMNO juga menghormati pendapat parti-parti yang kecil, sama seperti parti-parti lain menghormati satu sama lain dan dengan menggunakan keputusan secara kata sepakat, parti atau kaum yang kecil tidak diketepikan.

Beliau berkata, walaupun BN adalah parti gabungan, ia bertindak sebagai parti tulen dengan parti-parti komponen tidak bertanding antara satu dengan lain dalam pilihan raya, sebaliknya calon-calon BN disokong oleh semua anggota parti komponen. -- Lagi.

♥23/08/17-01MST

U GB 23-08 00185 BA249

aab

Mahathir - BN 3 Kuala Lumpur

Oleh kerana BN adalah parti gabungan sebelum pilihan raya, ia tidak lemah seperti parti gabungan selepas pilihan raya, yang dibentuk kerana tidak ada parti yang mempunyai cukup kerusi untuk membentuk kerajaan.

"Sementara parti gabungan selepas pilihan raya mudah ditumbang dengan penarikan diri hanya satu rakan, penarikan diri mana-mana parti komponen BN tidak menjejaskan majoriti BN dan ia terus menjadi kerajaan. Inilah keistimewaan BN," katanya.

Kerajaan BN juga sukar digugat oleh anggota dewan perundangan kerana rakyat memberikan kemenangan dua pertiga kepadanya dan ia sekali gus membolehkan kerajaan menumpu kepada pembangunan tanpa ugutan dari luar atau dalam parti.

Penarikan diri oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) umpamanya tidak berjaya menjatuhkan BN, walaupun dibuat semasa pilihan raya, katanya.

Dr Mahathir berkata, dasar-dasar kerajaan yang tidak bertukar kerana tidak berlakunya pertukaran kerajaan di Malaysia telah mewujudkan suasana stabil yang meyakinkan pelabur terhadap masa depan pelaburan mereka. Ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang pesat.

"Sebaliknya negara yang maju sekalipun akan mengalami kemerosotan apabila kerajaan bertukar dengan kerap," katanya. -- Laqi.

▼23/08/17-03MST

CNS5654

U GB 23-08 00227 BA250

aab

Mahathir - BN 4 Kuala Lumpur

Kerajaan memberi tempat kepada parti lawan di negara ini selaras dengan amalan sistem demokrasi. Ini jelas sekali kerana tidak pernah berlaku di dewan-dewan perundangan tidak diwakili oleh anggota dari parti lawan.

Baikmanapun para anggota parti pembangkang jarang menegur secara membina.

Perdana Menteri berkata, BN terhutang budi kepada Bapak Malaysia yang menjadi pengasas konsep kerjasama kaum dan menyanjung tinggi serta sentiasa mengenang jasa Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Tan Siew Sin, Tun V.T. Sambanthan, Tun Abdul Razak, Tun Dr Ismail, Tun Hussein Onn dan tokoh lain.

"Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada setiap anggota parti Barisan Nasional yang telah bekerjasama dalam semangat muhibah dan tolak ansur sehingga begitu berjayanya BN. Selagi kita miliki dan amalkan pendekatan ini, insya-Allah, BN akan terus wujud dan berkuasa sehinggalah tercapai cita-cita rakyat untuk menjadi bangsa yang berjaya dan bermaruah," katanya.

Sementara itu Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat dalam perutusannya berkata, prestasi BN sebagai sebuah gabungan parti politik dan sebuah kerajaan terletak kepada penghayatan para anggotanya terhadap nilai-nilai dan budaya semua kaum di negara ini.

Mohamed mengajak semua anggota parti komponen BN membaharui azam dan tekad untuk menyanjung tinggi cita-cita membentuk satu bangsa yang dinamis, progresif dan berbudaya tinggi dalam menghadapi cabaran dekad-dekad akan datang. -- Lagi.

♥23/08/17-06MST

R GB 23-08 00156 BA251

aab

Mahathir - BN 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Masa depan Malaysia sebagai negara merdeka dan berdaulat, bangsa yang bersatu padu dan negara yang demokratik, bergantung kepada keiqqihan anggota BN, kecekalan hati dan tekad rakyat untuk menentu dan mencorakkan nasib sendiri, katanya.

Pergolakan yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, Asia Barat dan Afrika khususnya Rwanda dan Somalia harus memperlihatkan pengajaran kepada rakyat dalam menghadapi masa depan, katanya.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, selaku pengerusi perhimpunan ulang tahun ke-20 BN, berharap generasi baru akan dapat menghayati semangat BN untuk bersedia bergerak seiring dalam satu wawasan melalui sambutan itu.

"Sebagai pejuang, rakyat daripada semua kaum harus memiliki semangat BN yang baru dan waja, bekerja kuat dan taat kepada pimpinan, mampu mengurus perubahan, beramanah, bermoral dan berfikiran sejiwat. Dengan ini kita dapat membantu menjadikan BN satu model perkongsian kuasa yang terbaik," katanya.

-- Bernama.

APY NMO

♥23/08/17-11MST